

BAB TUJUH

PENUTUP

Kajian ini bertolak daripada satu cita-cita yang besar iaitu mengenal pasti atau menentukan kedudukan seorang penulis Malaysia dan sekaligus taraf novel-novel Melayu di persada antarabangsa. Ini bukanlah satu tugas yang mudah. Perkara ini disebabkan tanggungjawab ini melibatkan usaha menentukan kekuatan seseorang pengarang dan keistimewaan karya-karyanya. Masalahnya kini ialah aspek-aspek yang menjadi ukuran dalam menetapkan kedudukan seseorang pengarang dan sesebuah karya bersifat subjektif dan bukannya emperikal. Walau apa sekalipun metodologi atau kaedah yang digunakan, akhirnya seseorang pengkaji yang ingin menentukan kedudukan seseorang karyawan atau mutu karya-karyanya mahu tidak mahu terpaksa kembali kepada penghayatan dan intuisi peribadinya.

Keupayaan atau kebolehan berkarya seseorang karyawan sukar ditentukan secara objektif. "Kebolehan" merupakan satu bakat yang di dalamnya terangkum pelbagai keupayaan yang berbentuk subjektif. Karyawan merupakan seorang tukang cerita. Oleh itu dia harus memiliki bakat bercerita. Memilih cerita yang hendak disampaikan sendiri merupakan satu bakat. Tidak kira betapa indah sekalipun gaya persembahan seseorang

penulis, namun karya tersebut tidak mungkin menempa nama sekiranya tidak ada inti atau cerita yang kukuh di dalamnya. Karyawan perlu teliti dalam memilih inti yang akan dikembangkan dan seterusnya merangka plotnya dengan sempurna. Ini pula bergantung kepada keupayaannya dalam melukiskan watak-watak yang sesuai, mewujudkan konflik dan memelihara suspens di sepanjang karyanya. Watak-watak dalam karya perlu diberikan nyawa agar mampu mengemudikan cerita mengikut arah yang telah ditentukannya terlebih dahulu dan mencapai kesudahan yang diharapkan. Karyawan juga seharusnya mampu menerokai dan mendedahkan pemikiran watak-wataknya dan memberikan justifikasi terhadap segala aksi mereka agar menyakinkan para pembaca.

Semua ini memerlukan daya imaginasi dan kreativiti yang tinggi. Terdapat pelbagai faktor yang menentukan daya tersebut. Antaranya termasuklah pengalaman hidupnya sendiri serta sensitivitinya dalam memerhatikan fenomena kemasyarakatan dan persekitarannya. Daya imaginasi ini seterusnya digunakan untuk merencam sesuatu inti yang telah dikenal pasti itu dalam rentetan yang menarik dan disampaikan dalam bentuk yang mampu memukau pembaca.

Sekali imbas, para pengkaji kesusasteraan dan pencinta sastera tanah air akan bersetuju bahawa Sasterawan Negara, Shahnnon Ahmad memiliki segala bakat dan kebolehan tersebut. Dunia penulisan beliau yang kini telah merentasi

lebih empat puluh tahun, bilangan karya yang telah dihasilkan, bilangan anugerah yang telah diterima dan puluhan kritikan dan penilaian terhadap karya-karya beliau sudah memadai untuk membuktikan hal ini. Pendek kata kedudukan Shahnnon Ahmad sebagai karyawan terulung negara tidak disangsikan dan tidak mungkin disangkal. Mungkin kesimpulan yang dilakukan oleh Mohd Yusof Hasan yang telah menjalankan kajian terperinci terhadap karya-karya terpilih Shahnnon Ahmad merupakan rumusan terbaik untuk menyimpulkan kedudukan sasterawan ini sebagai seorang penulis:

He is a gifted story-teller with superb craftsmanship and technical skills. His social concern, themes, characterization, language and literary style, and his use of the disciplines of psychology, sociology, history, philosophy and religion in his novels make him a significant Malay writer and an outstanding novelist.¹

Namun begitu ini bukanlah fokus utama kajian ini. Pengkaji bukan sahaja berhasrat untuk menentukan ketokohan Shahnnon Ahmad sebagai seorang penulis individu tetapi sebaliknya menentukan kedudukannya dalam konteks global. Memandangkan ruang lingkup kajian sesebuah karya sastera amat luas, maka tinjauan hanya dilakukan dengan melihat "pemikiran" beliau yang seterusnya dibandingkan dengan pemikiran seorang tokoh penulisan novel yang telah menerima pengiktirafan antarabangsa.

Ini sekali lagi menimbulkan satu masalah kerana pemikiran seseorang manusia sendiri merupakan sesuatu yang amat abstrak. Tidak ada satu cara khusus untuk memberikan penilaian terhadap pemikiran seseorang manusia. Tidaklah wajar untuk mengharapakan satu bentuk pemikiran yang sama daripada dua orang individu yang berbeza memandangkan pemikiran atau tanggapan manusia dicorakkan oleh pelbagai faktor luaran seperti pengalaman hidup, sentimen dan 'world-view' masyarakatnya. Hak untuk berfikir merupakan hak peribadi seseorang insan yang berakal. Setiap individu berhak untuk mempunyai pemikiran atau pendiriannya yang tersendiri terhadap sesuatu persoalan, isu, permasalahan atau fenomena kehidupan. Namun begitu perbandingan ini tetap boleh dilakukan dengan membataskan tinjauan terhadap kerasionalan pemikiran atau tanggapan kedua-dua orang karyawan tersebut dan keberkesanan penyampaiannya. Dengan kata lain, aspek yang dijadikan perbandingan di sini bukanlah pemikiran atau pegangan individu mereka semata-mata tetapi justifikasi dan keberkesanan yang dipamerkan oleh karyawan dalam menampilkan pemikiran tersebut. Perkara ini boleh dilakukan dengan melihat cara mereka menggerakkan watak-watak (melalui suara dan aksi watak) dan memandu cerita mereka untuk menegakkan pemikiran dan tanggapan tersebut. Ukurannya di sini ialah sejauh mana punca sesuatu permasalahan dan kesannya terhadap watak-watak dalam karya dapat diterima akal dan berpijak di bumi nyata.

Secara keseluruhannya inilah yang telah dilakukan oleh pengkaji. Dengan bersandar kepada intuisi sebagai seorang pembaca dan dengan berbekalkan definisi khusus untuk aspek-aspek yang dikaji (yakni tindasan, konflik diri, harga diri dan pegangan agama), pengkaji telah meninjau persamaan dan perbezaan pemikiran kedua-dua orang karyawan tersebut dan cara mereka memberikan justifikasi untuk pemikiran tersebut.

Satu dapatan yang amat ketara daripada kajian ini ialah wujud persamaan yang amat jelas malah menakjubkan antara pemikiran kedua-dua orang pengarang ini. Pengkaji menggunakan istilah 'menakjubkan' kerana kedua-dua orang pengarang yang dibandingkan berasal dari dua buah negara dan peradaban yang jauh berbeza. Malah tidak ada sebarang bukti yang menunjukkan kedua-dua mereka saling mengenali atau terpengaruh dengan hasilan kerja satu sama lain. Namun begitu mereka menunjukkan reaksi yang serupa terhadap penderitaan golongan tertindas dan cara manusia yang menghadapi konflik diri meronta-ronta bagi mencari penyelesaian untuk tekanan jiwa mereka. Begitu juga halnya ketika mereka memamerkan perjuangan manusia untuk mempertahankan maruah diri dan menjunjung kebebasan asasi. Malah persamaan dalam fikiran ini juga terserlah ketika kedua-dua orang pengarang ini mendedahkan pegangan dan persepsi manusia dalam lingkungan masing-masing terhadap Islam.

Namun begitu bukanlah sukar untuk memberikan alasan bagi persamaan ini. Persamaan dalam pemikiran ini tercetus

kerana persamaan yang wujud dalam pendirian dan prinsip hidup kedua-dua orang pengarang ini. Melalui bab kedua (Latar Belakang Pengarang), dapat disimpulkan dengan jelas falsafah yang mendasari penulisan kedua-dua orang pengarang ini. Mereka mengarang bukannya untuk menghiburkan masyarakat pembaca semata-mata, sebaliknya mereka merupakan karyawan bertujuan. Kedua-dua orang pengarang ini tergolong dalam kumpulan sasterawan yang beranggapan bahawa hasilan sastera tidak harus hanya membuaikan manusia dalam mimpi yang indah dan mengasyikkan tetapi sebaliknya perlu berfungsi sebagai medium yang membawa sesuatu perubahan kepada masyarakat. Pendek kata kesusasteraan di tangan kedua-dua orang karyawan ini menjadi wahana untuk mendedahkan kepincangan atau memacu masyarakat ke arah yang telah dikenal pasti terlebih dahulu. Kata-kata Salvador P. Lopez merupakan pernyataan yang paling tepat untuk menggambarkan pandangan Shahnnon dan Naguib terhadap tujuan berkarya:

"Literature that is written purely to entertain should be regarded as inferior to that which is inspired by a passionate inquiry into the life of man because literature is no longer merely a pastime and a diversion, but a passionate inquiry into the mystery of life and a revelation of its meaning. Because ours is no longer the age of self-sufficient agrarian feudalism, but a chaotic and disorganized industrial age that demands a new artistic medium."²

Shannon secara terus terang mengatakan bahawa beliau tidak dapat melarikan dirinya daripada menggunakan karya-karyanya untuk mendidik masyarakat. Malah menurut beliau begitu kuat sekali keinginannya untuk mendidik itu sehinggakan ada masanya unsur-unsur didaktik menyelinapi karyanya tanpa disedarinya (Lihat Bab 2 - Latar Belakang Pengarang, hal. 220). Sementara itu tujuan Naguib berkarya pula terserlah daripada alasan yang dikemukakanannya untuk menyepikan diri daripada dunia penulisan sepanjang tempoh 1952 hingga 1957 (lihat Bab 2 - Latar Belakang Pengarang, hal. 245). Oleh yang demikian tidaklah menghairankan sekiranya karya-karya mereka sarat dengan perjuangan nasib golongan tertindas, konflik diri yang dihadapi oleh masyarakat yang tertekan hidupnya dan perjuangan masyarakat yang serba daif untuk menegakkan maruah diri mereka. Ketajaman pena mereka yang diasah dengan tujuan membetulkan pelbagai kelemahan dalam aturan sosial yang sedia ada menyebabkan kedua-dua orang pengarang ini merenungkan dengan mendalam punca segala kepincangan yang wujud dan seterusnya membidas pihak-pihak yang bertanggungjawab terhadapnya. Perkara ini sekaligus menjelaskan mengapa sering kali didapati kedua-dua orang pengarang ini mengarahkan kritikan mereka terhadap para pemimpin dan kumpulan yang memegang teraju kepimpinan dalam komuniti.

Keinginan untuk mendedahkan kepincangan masyarakat inilah yang mendorong kelahiran karya-karya seperti Ranjau Sepanjang Jalan dan Midag Alley. Kedua-dua buah karya ini

lahir sejurus selepas Tanah Melayu dan Mesir memperoleh kemerdekaannya. Zaman tersebut merupakan satu era pengisian kemerdekaan di kedua-dua buah negara. Bagi pertama kalinya dalam ratusan tahun, tampuk pemerintahan di kedua-dua buah negara tersebut dipegang oleh bangsa peribuminya. Namun begitu kemerdekaan di kedua-dua buah negara itu tidak pula menjanjikan sebarang perubahan hidup yang gemilang bagi anak-anak buminya sebagaimana yang diimpikan. Entah mengapa, bayu segar kemerdekaan enggan mengusap kehidupan sesetengah lapisan masyarakat di kedua-dua buah negara tersebut. Kehidupan petani, nelayan dan penghuni lorong-lorong sempit di pinggir-pinggir kota di kedua-dua buah negara itu masih terus dijerut kemiskinan, kebuluran dan kematian. Oleh itu pemikiran, nada dan perjuangan pengarang dalam kedua-dua buah karya ini hampir sama. Mereka hanya bertindak sebagai tukang cerita yang memaparkan jaringan kemiskinan, kedaifan dan kealpaan yang tertebar dan melemaskan masyarakat tersisih di negara masing-masing. Namun begitu, di sebalik gambaran itu, terselit kukuh persoalan mengapakah "anak ayam di kepuk harus mati kelaparan" dan "anak itik di air harus mati kehausan".

Bagi kedua-dua orang pengarang ini, aturan hidup yang ada kini tidak mungkin diubah selagi masih wujud golongan berkedudukan yang dikuasai perasaan tamak, mementingkan diri dan menggunakan kuasa yang ada dengan sewenang-wenangnya. Pendek kata mereka berpendapat, selagi wujud manusia seperti Dogol (Rentong), Rauf (The Thief And The Dogs), YB Adnan

(Terdedah) dan para pemimpin seperti yang terdapat dalam Children Of Gebelawi, maka selagi itulah akan wujud mangsa yang terkapai-kapai untuk meneruskan kehidupan seperti Semaun, Said Mahran dan masyarakat teraniaya seperti kaum Hamdan dan Jerboas. Kedua-dua orang pengarang juga berfikiran bahawa penindasan yang dikenakan oleh pihak lain tidak harus dibiarkan berpanjangan. Kedua-dua mereka bersependapat bahawa hidup membiarkan diri dipermainkan oleh manusia lain adalah kehidupan yang keji dan tidak bermaruah. Slogan ini dilaungkan dengan lantang oleh Shanon melalui watak Semaun dalam Rentong dan Dollah dalam Al-Syiqag I manakala Naguib Mahfouz pula melaungkannya melalui Fahmy dalam Palace Walk dan watak-watak Gebel, Rifaa, Kassem dan Arafa dalam Children Of Gebelawi.

Bagi kedua-dua orang pengarang ini, novel bukannya hanya merupakan coretan kata-kata tentang watak yang dicipta berdasarkan keperluan cerita tetapi merupakan pencerminan hidup yang sehabis sempurna. Justeru, manusia dan kemanusiaan memperoleh perhatian khusus dan istimewa dalam karya-karya mereka.³ Manusia dalam karya kedua-dua orang pengarang ini bukan hanya terbatas kepada makhluk bernyawa tetapi dibangunkan dan dihidupkan sebagai insan berperasaan, berakal, berprinsip dan kompleks. Segala kompleksiti pemikiran manusia sentiasa mendapat perhatian berat dalam karya-karya mereka. Hakikat ini terserlah daripada cara mereka memperincikan keinginan manusia. Mereka sedar bahawa

manusia yang bernyawa dan berperasaan tidak dapat melepaskan diri daripada keinginan. Namun begitu mereka amat berhati-hati dalam memastikan keinginan tersebut sentiasa berpijak di bumi nyata dan dapat diterima akal yang rasional. Sebagai contoh, keinginan Semaun dalam Rentong untuk dilayan dan diberikan hak sebagai sebahagian daripada anggota masyarakat yang lain adalah satu keinginan yang boleh diterima akal. Begitu juga dengan keinginan Lahuma dan Jeha dalam Ranjau Sepanjang Jalan untuk memastikan kesinambungan hidup anak-beranak tanpa meminta-minta adalah keinginan yang wajar. Malah keinginan YB Adnan dalam Terdedah yang rakus untuk memuaskan nafsu seksnya sendiripun bukanlah satu keinginan yang terawang-awang di dunia khayalan tetapi sebaliknya amat realistik. Begitu juga dengan manusia-manusia dalam karya-karya Naguib Mahfouz. Keinginan Hamida dalam Midag Alley untuk mengecapi kehidupan sebagaimana yang dinikmati oleh gadis-gadis lain yang seusia dengannya adalah keinginan yang dapat diterima akal yang rasional. Keinginan Samira dan anak-beranaknyanya dalam The Beginning And The End bukanlah satu keinginan yang keterlaluan atau dibuat-buat oleh pengarang bagi memenuhi keperluan cerita. Sebaliknya mereka hanya ingin meneruskan kesinambungan hidup dengan bermaruah.

Begitu juga dengan pencerminan ego manusia dalam karya-karya mereka. Kedua-dua orang pengarang ini sedar bahawa manusia tidak mungkin terlepas daripada ego. Ego Semaun dan Pak Kasa dalam Rentong dan Said Mahran dalam The Thief And

The Dogs adalah sama sahaja. Ego ini bertolak daripada harga diri yang bersebatu dalam diri seseorang individu dan enggan membiarkan diri mereka diperkuda oleh orang lain. Ego Lahuma dan Jeha dalam Ranjau Sepanjang Jalan tidak jauh berbeza dengan Samira dalam The Beginning And The End. Walaupun hidup dalam serba kekurangan, harga diri yang menguasai diri menyebabkan mereka enggan sujud menagih bantuan atau simpati daripada sesiapa. Ditinjau dari sudut ini, ego Al-Sayyid dalam Palace Walk dengan mudah dapat disamakan dengan ego YB Adnan dalam Terdedah. Watak-watak ini sedar kesumbangan tindakan mereka, namun harga diri menyebabkan mereka enggan mendedahkan kelemahan ini kepada orang lain walaupun individu yang paling hampir dengan mereka. Ego yang menebal dalam diri menyebabkan manusia meronta-ronta dan melakukan pelbagai usaha untuk mempertahankan hak, kedudukan dan status mereka, walaupun pada hakikatnya hidup mereka bergelumang dalam kepalsuan. Perkara ini dapat diperhatikan dengan jelas pada watak-watak dalam Terdedah seperti YB Adnan dan Sharifah Shuhada, Puan Afify dan Umm Hamida dalam Midaq Alley dan Hassanein dalam The Beginning And The End. Dengan kata lain, hakikat bahawa setiap insan tetap ada harga diri tidak kira apa sekalipun prinsip hidupnya merupakan pemikiran yang dikongsi bersama oleh kedua-dua orang pengarang ini dan terpancar dalam kesemua karya mereka.

Usaha mencerminkan manusia dan kompleksiti pemikiran mereka sebagaimana adanya menjadi lebih ketara apabila

dilihat cara kedua-dua orang pengarang memperincikan pegangan agama watak-watak mereka. Bukan semua individu dalam masyarakat boleh menghayati segala falsafah atau seruan yang terkandung dalam agama. Begitu juga, bukan semua individu dalam masyarakat dapat membezakan falsafah agama yang tulen daripada pengaruh unsur-unsur budaya atau kepercayaan bukan agama yang terselit di dalam amalan agama masyarakat mereka. Keupayaan kedua-dua orang pengarang melukiskan amalan dan pegangan agama manusia dengan segala kejahilan serta kekurafatan sebagaimana adanya sungguh menakjubkan. Masyarakat di kaki bukit Srengenge dalam novel Srengenge dan masyarakat yang menghuni Lorong Midaq dalam Midaq Alley merupakan model manusia beragama Islam di Malaysia dan Mesir dengan pegangan dan amalan agama masing-masing. Malah kedua-dua buah karya ini dengan mudah boleh dijadikan bahan bacaan autentik bagi memahami sikap masyarakat terhadap agama di kedua-dua buah negara tersebut pada tempoh masa ia dikarang.

Keberanian dan kelurusan kedua-dua orang pengarang dalam memaparkan pemikiran masyarakat juga seharusnya dipuji. Sebagai penjunjung aliran realisme dalam erti kata yang sebenarnya, kedua-dua orang pengarang ini tidak teragak-agak untuk menerokai pemikiran manusia dan mendedahkan sebarang kepincangan yang wujud. Masyarakat di Srengenge yang menyamakan kekudusan bukit Srengenge dengan madrasah, menganggap perbuatan menghina Srengenge sama dengan menghina Quran dan imam yang sanggup meninggalkan sembahyang sepan-

jang hari kerana kegilaan meracik merupakan hakikat yang wujud di kalangan sesetengah umat Islam. Begitu juga dengan Al-Sayyid dalam Palace Walk yang mengadakan hubungan luar nikah dengan puluhan wanita dan meminum arak hampir setiap malam tetapi yakin perbuatannya tidak akan menimbulkan kemurkaan Allah yang Maha Penyayang lagi Pemaaf (kerana dia menjalankan segala suruhan-Nya yang lain seperti bersembahyang, berpuasa dan memberi zakat) juga adalah sebahagian daripada sikap manusia yang sememangnya wujud. Namun begitu, kedua-dua orang pengarang ini enggan hanya bertindak sebagai tukang cerita semata-mata dalam soal ini. Mereka mempunyai pemikiran yang tersendiri tentang soal agama dan jelas tidak menyenangi sikap sesetengah anggota masyarakat mereka yang begitu alpa, cuai dan jauh terpesong daripada landasan agama. Ini ditokok pula dengan nilai tanggungjawab untuk mendidik masyarakat menyebabkan mereka keberatan untuk mendiamkan diri dan melihat pelbagai keterpesongan yang wujud dalam amalan agama masyarakat masing-masing. Maka mereka mencipta watak-watak khusus yang dapat mewakili pemikiran dan suara mereka untuk menyeru kepada masyarakat. Awang Cik Teh dalam karya Srengenge dan Radwan Hussainy dalam karya Midag Alley merupakan antara contoh watak yang dipikulkan tanggungjawab untuk membentuk sikap dan pemikiran masyarakat. Malah kedua-dua orang pengarang ini sedar betapa pentingnya aspek ini - sehingga sanggup berkhotbah secara langsung kepada para pembaca. Perkara ini dapat diperhatikan dengan ketara di dalam Al-Syiqag I dan juga

melalui watak Radwan Hussainy dalam karya Midaq Alley.

Kajian ini mempunyai dua kepentingan bagi dunia kesusasteraan Melayu tanah air. Pertama, kajian ini seharusnya membuka mata para cendekiawan, pencinta seni, masyarakat akademik dan pihak berkuasa tentang ketokohan Shahnnon Ahmad bukan sahaja dalam lingkungan dunia persuratan Malaysia tetapi juga di peringkat antarabangsa. Pada penghujung kajian ini sekali lagi pengkaji teringat kata-kata seorang tokoh kesusasteraan tanah air, Kemala, hampir tiga puluh tahun yang lalu:

"Shahnnon dengan novel Ranjau Sepanjang Jalan dan Tunggul-tunggul Gerigis yang mengkaji psikologi kerakyatan Melayu petani desa, telah mengangkat novel Melayu ke peringkat antarabangsa. Bagi saya, tidak syak lagi Shahnnon Ahmad ialah tokoh pertama yang boleh dicalonkan sebagai calon dari Malaysia yang boleh dinamakan pemenang Nobel Hadiah Dunia itu.⁴

Hanya setelah menamatkan kajian ini barulah kita sedar betapa besarnya kebenaran yang terkandung dalam kata-kata Kemala itu. Bab demi bab dalam kajian ini mendedahkan hakikat Shahnnon Ahmad, yang telah menempa nama sebagai pengarang besar tanah air juga mampu berdiri sama tinggi dengan seorang pengarang besar dunia yang telah memperoleh pengiktirafan tertinggi dalam bidang kesusasteraan. Sayang sekali sekiranya tokoh ini hanya disanjung dan dibangga-banggakan di peringkat kebangsaan. Pepatah

Melayu ada mengatakan bahawa hanya jauhari yang mengenal manikam. Dengan kata lain, hanya para ilmuan; terutamanya mereka yang berkecimpung dalam bidang kesusasteraan sahaja yang mampu memahami ketokohan beliau yang sebenarnya. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab pihak ini untuk berganding bahu dan seterusnya mengenengahkan tokoh ini kepada masyarakat antarabangsa dan mengajukan nama beliau kepada jawatankuasa Hadiah Nobel. Janganlah kita berpeluk tubuh dan membiarkan nama pengarang besar ini hanya tinggal dalam lipatan sejarah kesusasteraan Melayu sebagaimana puluhan penulis lain bermula dari Syed Sheikh Al-Hadi. Sekiranya ini berlaku, maka dunia kesusasteraan Melayu benar-benar kerugian kerana sukar sekali untuk diramal bila lagikah dunia kesusasteraan kita akan dikunjungi seorang penulis seperti Shahnnon Ahmad.

Satu lagi kepentingan kajian ini ialah ia menyedarkan kita bahawa dunia kesusasteraan tanah air khususnya penulisan novel bukannya satu dunia yang terpinggir. Sekiranya karya-karya Shahnnon dapat dianggap sebagai representatif bagi dunia kesusasteraan Melayu moden, maka kita boleh mendabik dada sebagai empunya satu khazanah kesusasteraan yang tidak kurang hebatnya berbanding dengan negara-negara lain. Bezanya hanyalah sebahagian besar hasilan sastera kita masih belum didedahkan kepada masyarakat dunia. Kesudahannya kesusasteraan kita gagal memperoleh pengiktirafan yang sewajarnya di peringkat antarabangsa.

CACATAN

1. Mohd. Yusof Hasan, Novels Of The Troubled Years, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989), hlm. 246.
2. Salvador P. Lopez, "Literature And Society - A Literary Past Revisited" dalam Roger J. Bresnahan (ed), Literature And Society: Cross Cultural Perspectives, (11th. American Studies Seminar, Los Banos, Philippines, 1976), hlm. 9
3. Shahnnon Ahmad begitu kecewa sekali setelah menonton filem "Ranjau Sepanjang Jalan" arahan Jamil Sulong. Malah beliau terus-terang mengatakan bahawa filem itu gagal. Menurut beliau salah satu punca kegagalannya adalah kerana pengarahnya gagal memahami kemanusiaan yang terkandung di dalamnya. Seterusnya Shahnnon menjelaskan fokus asas karya beliau...

"Dari struktur cerita, RSJ boleh dikatakan tidak penting, malah cerita fizikalnya benar-benar sebagai alat semata-mata. Yang dipentingkan ialah kemanusiaannya yang meliputi konflik dan pertentangan dalamannya, intuisi dan emosinya, mimpi dan cita-citanya, pertentangan dan dilema kebatinan dalam unit-unit keindividualannya, kesan-kesan daya persepsi dan berbagai-bagai unsur alamnya. Sesungguhnya dalam RSJ cerita dieksploitkan seminimum mungkin bagi memperolehi kesan-kesan bagi memperlihatkan kerahsiaan dalaman manusianya."

Lihat Shahnnon Ahmad, "Jamil Sulong Dengan Ranjau Sepanjang Jalannya" dalam Shahnnon Ahmad (ed), Corat-coret Berkelongsong, (Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1995), hlm. 219

4. Ahmad Kamal Abdullah, Kesusasteraan Bandingan Dalam Perbincangan, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974), hlm. 122